

UNTUK SIARAN SEGERA

PPA Lancar Peraduan "GO PRS, GET TREATS" untuk Menggalakkan Menyimpan Dalam Talian



KUALA LUMPUR (1 Ogos 2019): Mula menyimpan dengan skim Persaraan Swasta (PRS) dan anda berpeluang untuk meningkatkan simpanan persaraan anda dengan *RM100 PRS Treats* Bulanan dan *Grand PRS Treats* sehingga RM3,000!

Di era digital di mana segala-galanya bergerak secara atas talian, kini lebih ramai memilih untuk membuka akaun PRS dengan PRS Online, perkhidmatan digital yang disediakan oleh Private Pension Administrator Malaysia (PPA) bagi memberikan kemudahan untuk rakyat Malaysia membuat simpanan persaraan dengan mudah, selesa dan selamat.

Didorong oleh penerimaan baik terhadap PRS Online, PPA melancarkan peraduan *PRS Online Enrolment Treats* untuk memberi peluang lebih ramai orang memanfaatkan perkhidmatan dalam talian ini, seterusnya menyimpan untuk persaraan dengan segera.

Peraduan ini akan dijalankan secara berikut: Mulai 1 Ogos hingga 30 November 2019, sekiranya anda mendaftar dalam PRS menerusi PRS Online Enrolment serta menjawab tiga soalan mudah, anda berpeluang menjadi salah seorang daripada 20 penerima *PRS Treats* bernilai RM100 dalam unit PRS semasa Cabutan Bulanan.

Bukan itu sahaja, malahan setiap yang mendaftar secara dalam talian sepanjang tempoh empat bulan peraduan juga layak menjadi antara tiga penerima hadiah utama *Grand PRS Treats* bernilai RM3,000, hadiah kedua RM2,000 manakala RM1,000 untuk hadiah ketiga, kesemuanya dalam unit PRS.

Mereka yang telah menjadi ahli PRS juga boleh menyertai peraduan ini melalui rujukan, di mana sekiranya pendaftaran baru yang anda rujukkan berjaya menjadi penerima *PRS Treats* Bulanan, secara automatik anda juga akan menerima *PRS Treats* bernilai RM100 dalam unit PRS. Mudah bukan?

"Selaras dengan tema '**GO PRS, GET TREATS**,' kami mahukan Ahli PRS tidak kira yang baru atau sedia ada untuk mendapatkan ganjaran daripada peraduan ini. Bagi mereka yang belum bermula lagi, ambillah peluang ini untuk memulakan simpanan persaraan anda. Manakala ahli sedia ada boleh berkongsi kegembiraan berganda kerana anda adalah penggalak terbaik untuk menyimpan di PRS," kata Husaini Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif PPA.

Walaupun anda disyorkan untuk menyimpan 10 peratus daripada pendapatan untuk persaraan, tinjauan PPA pada bulan Mac 2019 mendedahkan bahawa komitmen kewangan yang lain merupakan faktor utama ramai tidak mempunyai simpanan yang cukup seperti yang mereka inginkan untuk persaraan.

"Kita semua mempunyai komitmen kewangan kita sendiri tetapi perkara yang penting ialah mulakanlah tabiat menabung terlebih dahulu. PRS adalah berpatutan di mana anda boleh mula menyimpan serendah RM100 dan yuran yang dikenakan adalah rendah. Sebaik sahaja anda membuka akaun PRS, teruskan menyimpan secara kerap untuk membina dana persaraan anda sedikit demi sedikit," ujar Husaini.

Antara kebaikan PRS adalah pelepasan cukai tahunan, di mana pencarum layak mendapatkan pelepasan cukai individu sehingga RM3,000 setahun. Walaupun insentif cukai ini popular, namun menurut kajian yang dijalankan oleh PPA, majoriti Ahli PRS yang menyimpan di PRS adalah untuk kepentingan persaraan mereka. Ini adalah rangsangan positif di kalangan lebih 440,000 Ahli PRS yang menyimpan di skim simpanan dan pelaburan jangka panjang sukarela ini, seterusnya melonjakkan Nilai Aset Bersih (NAV) dana PRS kepada lebih RM3 bilion pada Julai 2019.

"Ia adalah satu kejayaan besar bagi industri ini, bila mana lebih ramai rakyat Malaysia kini menyimpan di PRS untuk menambahkan dana persaraan mereka, walaupun PRS baru sahaja dilancarkan pada tahun 2012. Para pencarum PRS boleh mendapat manfaat daripada pilihan 55 Dana PRS yang berpotensi memberikan pulangan yang positif untuk jangka masa panjang (lihat jadual) selagi mana mereka tidak terlalu memikirkan ketidaktentuan pasaran jangka pendek. Di samping Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai pengawal selia, PPA akan terus memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada Ahli PRS dan memacu untuk mengembangkan industri ini bersama-sama dengan pihak berkepentingan termasuk Penyedia dan Pengedar PRS," tambah Husaini.

Prestasi Terbaik Dana PRS Dalam Kategori Berikut	Pulangan Tahunan* (%)
Konservatif	4.13
Sederhana	6.01
Pertumbuhan	6.20
Bukan Teras	11.70
Bukan Teras Islamik	6.11

Sumber: Morningstar (16 Julai 2019)

*Pulangan dikira dari tarikh dana dilancarkan sehingga 30 Jun 2019

Untuk maklumat lanjut mengenai peraduan *PRS Online Enrolment Treats*, layari www.ppa.my/prstreats/ms

Mengenai PPA

Pentadbir Persaraan Swasta Malaysia (PPA) adalah pentadbir pusat untuk Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA adalah badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan ditubuhkan untuk mentadbir dan mempromosikan pertumbuhan industri PRS. Peranan penting PPA adalah untuk menguruskan akaun berpusat sepanjang hayat bagi Ahli PRS. PPA menekankan kepentingan untuk membuat simpanan persaraan melalui

PRS dengan menjadi pusat sumber sehenti untuk orang ramai mengenai pembelajaran persaraan dan PRS di Malaysia. Ini termasuk pelaksanaan inisiatif tambah nilai seperti program pemasaran untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai, selain kerjasama dengan pihak berkepentingan yang meliputi universiti, media dan agensi kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk menyimpan lebih banyak untuk masa depan dengan PRS. Perkhidmatan PRS Online yang dibangunkan oleh PPA membolehkan orang ramai dan ahli PRS untuk mendaftar dan menambah caruman PRS mereka melalui komputer dan peranti pintar dengan mudah, selesa dan selamat.

Mengenai PRS

Skim Persaraan Swasta (PRS) adalah skim simpanan dan pelaburan jangka panjang sukarela yang direka untuk membantu rakyat Malaysia menyimpan lebih banyak untuk persaraan mereka. PRS berusaha untuk meningkatkan pilihan bagi semua rakyat Malaysia sama ada bekerja atau bekerja sendiri untuk menambah simpanan persaraan mereka di bawah persekitaran yang tersusun dan dikawal selia. Terdapat lapan Penyedia PRS yang menawarkan 55 pilihan dana persaraan, di mana individu boleh memilih untuk melabur berdasarkan keperluan persaraan, matlamat dan tahap risiko mereka sendiri. Opsyen dana di bawah PRS adalah bertujuan untuk meningkatkan pulangan jangka panjang untuk Ahli dalam rangka kerja yang dikawal selia. Rakyat Malaysia mempunyai pilihan untuk menyimpan di PRS melalui pelbagai saluran seperti PRS Online, Penyedia PRS dan lebih 21,000 Perunding PRS.

Talian Media:

Serena Lim
Head of Marketing & Communication
Private Pension Administrator Malaysia
03-7732 1520